

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA
SELANGOR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak
Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia di bawah Syarikat Perumahan
Negara Berhad dilancarkan berapakah jumlah rumah yang telah siap
dibina dan didiami serta adakah pihak Kementerian bercadang untuk
menambahkan lagi bilangannya terutama di kawasan Kuala Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) telah ditubuhkan pada
21 Ogos 1997 sebagai syarikat milik penuh Menteri Kewangan
Diperbadankan (MKD) yang bertujuan menyediakan rumah mampu

milik dan rumah kos rendah yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara. SPNB mempunyai tiga produk perumahan yang utama, iaitu Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Aspirasi Rakyat (RAR).

Fokus SPNB secara amnya adalah untuk memenuhi permintaan keperluan perumahan daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (RM750 hingga RM10,000 sebulan) melalui Program RMR1M, RIR dan RAR.

Tuan Yang Dipertua,

Program RMR1M merupakan satu program tanggungjawab sosial Kerajaan melalui SPNB. Fokus Program RMR1M tertumpu kepada golongan yang berpendapatan seisi rumah di antara RM750 dan RM3,000 sebulan dan memiliki tanah sendiri. RMR1M adalah rumah sesebuah setingkat berkeluasan 700kps hingga 1,000 kaki persegi yang dibina di atas tanah individu dengan harga jualan di antara RM45,000 dan RM65,000 seunit. Pemilikan RMR1M dihadkan kepada golongan yang belum memiliki rumah sendiri ataupun mendiami rumah yang usang atau tidak sempurna. Bagi program ini, Kerajaan

Persekutuan melalui Kementerian Kewangan (MOF) menyalurkan subsidi kepada SPNB seperti berikut:

- i. Subsidi harga seunit RMR1M pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit; dan
- ii. Subsidi kadar faedah sehingga 2% ke atas pinjaman komersial bagi menampung baki harga seunit RMR1M (RM30,000 hingga RM45,000 seunit).

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik permohonan RMR1M dari tahun 2002 sehingga 31 Januari 2017, sebanyak 86,131 permohonan telah diterima dan dinilai di seluruh negara di mana sebanyak 46,740 unit telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 37,277 unit telah siap dibina, 7,689 unit di peringkat pembinaan dan 1,774 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 28,208 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 11,183 permohonan masih di dalam senarai menunggu/ penilaian kelayakan.

Bagi Negeri Selangor, sebanyak 4,643 permohonan telah

diterima sejak program RMR1M ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,169 permohonan telah diluluskan, di mana 1,703 unit telah siap dibina, 412 unit di peringkat pembinaan dan 54 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 2,226 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 248 permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Bagi Parlimen Kuala Selangor, jumlah keseluruhan permohonan RMR1M yang diterima adalah sebanyak 334 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 191 permohonan telah diluluskan di mana 151 unit telah siap dibina, 37 unit di peringkat pembinaan dan 3 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 125 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 18 permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Tuan Yang Dipertua,

SPNB tidak meletakkan sebarang kuota khusus untuk membina RMR1M di sesuatu kawasan. Permohonan bagi program ini adalah

terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat-syarat kelayakan sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Namun, pelaksanaan program RMR1M adalah tertakluk kepada peruntukan subsidi tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan dan kelulusan pinjaman melalui SPNB.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, program RMR1M ini mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat di seluruh negara sehingga menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut. Pada masa ini, terdapat 11,183 permohonan masih di dalam senarai menunggu di seluruh negara. Oleh hal yang demikian, lebihan permohonan setelah mengambil kira peruntukan tahunan yang disalurkan akan dibawa ke tahun hadapan.